

23 MAY 2000

Ling-Jawatan

PELETAKAN JAWATAN BERI PELUANG KEPADA ORANG LAIN, KATA LING

KUALA LUMPUR, 23 Mei (Bernama) -- Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata keputusannya untuk meletak jawatan daripada Kabinet akan memberi peluang kepada orang lain untuk mengisi kekosongan yang ditinggalkannya.

"Ini akan memberi peluang kepada lain orang menggantikan saya," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis jamuan sempena ulang tahun ke-107 Kesatuan Pengusaha Restoran Selangor dan Wilayah Persekutuan di sini malam ini.

Beliau berkata sehingga kini keputusannya untuk meletakkan jawatan adalah muktamad dan tidak akan mengubahnya walaupun anggota parti berusaha memujuknya menarik balik hasratnya itu.

"Saya tidak akan mengubah keputusan saya," katanya yang secara berseloroh memberitahu bahawa beliau dapat tidur lena malam tadi walaupun mengumumkan keputusan meletak jawatan itu.

Dr Ling mengumumkan keputusannya untuk meletak jawatan Kabinet pada mesyuarat mingguan Majlis Presiden MCA semalam yang turut dihadiri oleh anggota Jawatankuasa Pusat parti di ibu pejabat parti berkenaan.

Ketika ditanya mengapa sehingga kini beliau belum memberi sebarang alasan munasabah mengenai peletakkan jawatannya mengakibatkan pelbagai spekulasi timbul, Dr Ling berkata beliau telah banyak memberikan alasan itu.

"Alasan yang cukup, apa yang awak cakap (soalan itu) adalah tidak benar," katanya.

Dr Ling mengulangi alasannya meletak jawatan dengan berkata: "Masa untuk saya berundur sudah tiba."

Beliau juga berkata keputusannya meninggalkan Kabinet tidak akan menjejaskan MCA kerana beliau masih mengekalkan jawatannya sebagai Presiden parti itu.

"MCA tidak berpecah belah, MCA masih bersatu. Hanya seorang sahaja yang meletak jawatan (Kabinet)," katanya.

Dr Ling bagaimanapun tidak memberikan komen ketika ditanya mengenai kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku pengerusi Barisan Nasional hari ini bahawa MCA tidak akan diberikan jawatan tambahan dalam Kabinet untuk tidak menyentuh kedudukan parti-parti komponen BN yang lain.

-- BERNAMA

RZS FAZ